

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 50

Suhaimi Trader mempunyai baki-baki berikut pada 1 Jun 2016:

Tunai di tangan	RM 3,000
Tunai di bank	RM 9,000
Modal	RM12,000

Di bawah adalah urus-urus niaga yang telah berlaku dalam bulan Jun 2016:

- (a) Beli barang niaga secara kredit RM4,500.
- (b) Jual barang niaga berkos RM1,700 untuk RM2,000 secara kredit.
- (c) Bayar dengan cek RM3,000 kepada akaun belum bayar bagi menjelaskan hutang sebanyak RM3,100.
- (d) Menerima cek berjumlah RM800 daripada seorang akaun belum terima.
- (e) Beli sebuah meja secara cek RM780.
- (f) Memindahkan tunai di tangan ke bank RM2,000.
- (g) Jualan tunai RM650 dibankkan. Kos barang dijual adalah RM460.
- (h) Beli barang niaga secara kredit RM2,300.
- (i) Beli lengkapan secara tunai RM370.
- (j) Pemilik mengeluarkan barang niaga berkos RM120 untuk kegunaan peribadi.
- (k) Satu perempat daripada inventori telah dijual secara kredit pada harga RM1,320.

Dikehendaki:

Dengan menggunakan satu jadual persamaan perakaunan, tunjukkan kesan urus-urus niaga di atas akaun-akaun terlibat, dan sediakan penyata kedudukan kewangan (format "T") bagi Suhaimi Traders pada 30 Jun 2016.